

# Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Sekolah Sains dan Teknologi 2012/1433H

Artikel oleh: Ag. Sufian Abd Hamid



Penceramah jemputan khas sempena sambutan Maulidur Rasul SST 2012/1433H.

Pada 18 Februari 2012 bersamaan hari Sabtu, Sekolah Sains dan Teknologi telah mengadakan sambutan khas Maulidur Rasul 2012/1433H bertempat di perkarangan foyer dan BK2 SST. Pelbagai acara dan aktiviti telah dianjurkan sebagai pengisian yang bersesuaian dengan semua peringkat umur. Program ini dimulakan dengan acara mewarna, bercerita dan busana muslim yang bertemakan keislaman dan kecintaan kepada Rasullullah S.A.W. Pengisian seterusnya adalah ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan khas. Turut hadir pada hari tersebut sebagai tetamu khas adalah Dekan SST sendiri, Prof. Madya Dr. Hj. Baba Musta. Kehadiran kakitangan dan keluarga masing-masing telah memeriahkan lagi suasana sambutan kali ini. Semoga segala usaha semua yang terlibat yang terdiri daripada pentadbir sekolah, AJK pelaksana sambutan dan seluruh kakitangan dan keluarga SST akan mendapat keberkatan dan keredhaanNya.



Suasana pertandingan mewarna kanak-kanak.



Penyampaian cenderamata kepada penceramah oleh Prof. Madya Dr. Hj Baba Musta sambil diperhatikan oleh Prof. Madya Dr. Kawi Bidin.